

TAK BOLEH KE ZAMAN

UM - 9 MAR 1991
Cara hidup Islam menurut
pandangan Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 8 Mac —
Dato' Sri Dr. Mahathir
Mohamad hari ini meng-
emukakan bahawa cara hidup
Islam tidak bererti kembali se-
mula kepada keadaan di zam-
an Rasulullah secara sepenuh-
nya.

Katanya, jika cara hidup Islam hanya boleh
dilakukan seperti dalam keadaan masyarakat
1,400 tahun dulu, ia samalah seperti menyatakan
Islam hanya untuk kurun ketujuh Masihi di Ta-
nah Arab saja.

Oleh
Badrul Azhar Rahman

Beliau berpendapat, untuk masyarakat Islam
mencapai tamadun dan kemajuan, mereka perlu-
lah memiliki sifat-sifat berikut:

- Kreatif, keterbukaan kepada satu-satu
idea yang baru, sentiasa ingin tahu.
- Positif terhadap alam dunia, responsif
terhadap perjalanan sejarah dunia.
- Inovatif, rajin, tekun, berakhlak mulia
dan mengamalkan nilai-nilai yang baik.

"Oleh itu, cara hidup Islam tidak bermakna
mencipta semula keadaan di zaman Rasulullah
supaya kita dapat meniru seratus peratus cara
hidup di zaman itu," katanya semasa berucap

melancarkan Operasi Pungutan
Zakat secara korporat di Kom-
pleks Bangunan Sulaiman di si-
ni.

Menurut beliau, Islam adalah
untuk semua zaman dan semua
masyarakat, sama ada Arab atau
bukan Arab, dan cara hidup Is-
lam tidak dikehendaki me-
nyerupai hidup di zaman Rasu-
lullah atau dalam masyarakat
Arab.

"Jika kita cuba mengembali-
kan masyarakat zaman ini ke-
pada keadaan dan sekitaran di
abad ketujuh Masihi di bumi
Arab, bagaimanakah dapat kita
pertahankan bahawa Islam itu
untuk semua zaman dan tem-
pat," katanya.

Bagaimanapun, katanya, iri-
lah yang cuba dilakukan oleh
orang-orang tertentu.

"Puak ini berjaya menakutkan
sebahagian besar orang Islam
sehingga ajaran mereka tidak
boleh disoal dan akhirnya umat
Islam menjadi ketinggalan zam-
an, mudah ditindas dan diper-
alatkan oleh kuasa bukan Is-
lam," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan,
Islam yang disampaikan bukan-
lah dalam bentuk teori tetapi ia
mestilah diikuti dengan amal.

Jika masyarakat terlalu banyak
menghabiskan masa hanya ke-
pada teori dan berhujah sepan-
jang masa, katanya, ia tidak
akan berjaya mencapai tamadun
Islam yang dihajati.

Lihat Muka 2

KEMBALI RASULULLAH

TAK BOLEH KEMBALI KE ZAMAN RASULULLAH

"Jika kita hendak maju atau lebih berjaya daripada orang lain, kita hendaklah kurangkan berhujah tentang teori dan menumpukan tenaga kita kepada amal," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, masyarakat yang dimomokkan dengan pelbagai teori atau konsep yang indah tanpa satu perancangan yang konkrit akan mengakibatkan ia menjadi mundur tanpa apa-apa keupayaan.

"Masyarakat seperti ini bersekolah dengan khayalan sehingga yang nyata dinafikan dan sebaliknya diganti dengan tafsiran yang dicipta bagi menyembunyikan kenyataan.

"Kegagalan dikatakan kejayaan dan kekalahan dikatakan kemenangan dan akibatnya tidak ada sesuatu dibuat untuk menentukan kegagalan itu tidak akan berlaku lagi," ujarnya.

Beliau menjelaskan, kegagalan dan kekalahan umat Islam bukanlah kerana ia sudah ditentukan bagi orang-orang Islam oleh Tuhan.

Pendapat bahawa dunia ini bukan untuk orang Islam, katanya membuktikan sikap tidak bersyukur dengan pemberian Tuhan dan apakah benar Tuhan tidak mahu umat pilihanNya berusaha.

Beliau menarik perhatian bahawa kekalahan teruk sebuah negara Islam yang merasakan dirinya sudah kuat mengakibatkan semua negara Islam kini terletak di bawah telunjuk kuasa asing.

Katanya, umat Islam kini bukan saja terpaksa mengikut telunjuk kuasa tersebut, malah dipermainkan.

Menurutnya, keadaan ini berlaku kerana tidak ada negara Islam di zaman ini yang mampu mencipta dan mengeluarkan senjata yang canggih seperti senjata musuh.

"Sebuah negara Islam belum boleh menganggap dirinya kuat

dan mampu berperang selagi ia belum dapat mengeluarkan senjata sendiri yang canggih.

"Akibat tindakan yang berasaskan kepada keangkuhan kuasa yang dianggap sudah boleh menakluk semua negara Arab lain, negara tersebut dimusnahkan oleh kuasa asing," ujarnya.

Beliau membidas pendapat yang menyatakan negara Islam itu tetap menang walaupun jelas sudah jatuh tersungkur di bawah kaki kuasa asing.

"Khayalan yang semacam ini juga menghalang pemeriksaan diri sendiri untuk memperbetulkan kesilapan-kesilapan yang berlaku," tambahnya.

Menurut beliau, akibat daripada penipuan diri sendiri ini, tidak ada sesuatu tindakan dibuat untuk mengatasinya dan umat Islam seterusnya akan terus gagal dan dihinakan.

Perdana Menteri menambah, umat Islam boleh bersaing dengan sesiapa saja jika mereka dapat bekerja dengan penuh kemahiran dan berkualiti seperti yang dituntut oleh agama Islam.

Bagaimanapun, katanya, umat Islam akan ketinggalan zaman mudah ditindas dan diperalatkan oleh kuasa bukan Islam jika tidak menyesuaikan Islam dengan keadaan semasa dan tempat.

Beliau menjelaskan, ajaran oleh orang-orang tertentu supaya umat Islam hanya mengamalkan ibadah tertentu lebih daripada yang diwajibkan dan berdoa meminta-minta saja daripada Tuhan tanpa usaha dan penggunaan akal, jelas membawa kepada kelemahan dan kegagalan umat Islam.

Menurutnya, selagi orang yang berkepentingan ini tidak dicabar dan disoal tentang ajarnya, selama itulah umat Islam akan terus mundur dan lemah.

Perdana Menteri memberi

contoh bahawa apabila jemaah haji mula menggunakan kapal terbang, ada ulama yang mengemukakan perbuatan itu kerana kononnya tidak mengikut sunnah Nabi.

"Sebenarnya penggunaan kapal laut juga tidak mengikut sunnah Nabi kerana Nabi tidak pernah menyeberang laut semasa melakukan ibadah haji.

"Tentangan-tentangan ini membuktikan bahawa ulama-ulama tertentu kerap membuat kesalahan semasa mentafsir agama," katanya.

Umumnya, kata beliau, ulama seperti ini mentafsir semua yang baru adalah bertentangan dengan Islam dan semua yang lama walaupun sudah dianggap kolot sebagai sesuai dengan Islam.

Beliau juga mempersoalkan tentang pendapat bahawa wanita menjadi punca kepada segala keganasan lelaki dan perlu menyembunyikan diri supaya tidak membakar nafsu lelaki.

Di zaman ini, katanya, terdapat lelaki Islam sering ke negara-negara di mana wanitanya bebas dan melakukan bermacam-macam kegiatan yang dilarang.

"Apakah ini kesalahan wanita atau kesalahan lelaki yang sengaja mengejar nafsu," ujarnya.

Mengenai zakat, katanya, ramai yang berpendapat bahawa ibadah zakat merupakan satu ibadah yang khusus yang tidak boleh mengambilkira aliran zaman.

"Kerajaan sentiasa memikirkan mengenai urusan-urusan negara yang boleh disesuaikan dengan Islam," katanya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kerana berjaya maju setapak ke hadapan dalam memperkemaskan sistem pentadbiran dan pengurusan zakat dengan menggunakan teknologi moden.